



## FACULTY OF EDUCATION AND ARTS

## FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) : 

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) : \_\_\_\_\_

Course Code & Name : **MPU2132 BAHASA MELAYU KOMUNIKASI 1**  
 Semester & Year : September - December 2023  
 Lecturer/Examiner : Ms Normaizura Md Zain  
 Duration : 2 Hours

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

1. This question paper consists of 2 parts:
  - PART A (30 marks) : THIRTY (30) multiple-choice questions. Answers are to be written in the Multiple Choice Answer Sheet provided.
  - PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Pemahaman Tekst  
SOALAN 2 – Tatabahasa  
SOALAN 3 – Karangan (Choose ONE (1) only)
2. Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
3. This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
4. Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

**WARNING:** The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College.

Total Number of pages = 11 (Including the cover page)

**BAHAGIAN B** : **SOALAN SUBJEKTIF (70 MARKAH)**  
**ARAHAN** : Jawab semua soalan di bawah ini.

---

**SOALAN 1 – PEMAHAMAN TEKS (20 MARKAH)**

**Petikan (i)**

*Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.*

Hobi Danial ialah membaca buku. Danial suka membaca buku tentang haiwan, sains, komik, dan novel. Setiap bulan, bapa Danial akan membawa Danial ke kedai buku untuk membeli buku.

Pada masa lapang, Danial akan pergi ke perpustakaan untuk membaca buku. Danial akan duduk di perpustakaan selama dua jam setiap hari Isnin hingga Jumaat. Danial juga akan meminjam buku untuk dibawa pulang ke rumah. Kadang-kadang, Danial membaca buku di lobi kolej sementara menunggu ayahnya datang mengambilnya. Dia juga mempunyai banyak koleksi buku di bilik tidurnya. Danial sangat suka membaca buku kerana dia dapat belajar banyak perkara baru melalui aktiviti tersebut.

Danial suka berkongsi cerita-cerita yang dia baca dengan keluarga dan kawan-kawan. Danial bercita-cita untuk menulis buku suatu hari nanti dan berkongsi ilmunya kepada orang lain pula.

1. Apakah jenis buku yang Danial suka baca? **(2 markah)**
2. Berapa lamakah Danial akan duduk di perpustakaan setiap hari Isnin hingga Jumaat? **(2 markah)**
3. Mengakah Danial suka membaca buku? **(2 markah)**
4. Siapakah yang akan mendengar Danial berkongsi cerita-cerita yang dia baca? **(2 markah)**
5. Apakah cita-cita Danial berkaitan dengan hobi membaca buku? **(2 markah)**

## **Petikan (ii)**

*Baca petikan dialog di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.*

- Serina: Hai, nama saya Serina. Saya pelajar baharu di sini. Saya dari Vietnam.
- Gayathri: Hai, Serina! Nama saya Gayathri. Selamat datang ke Malaysia. Apa khabar?
- Serina: Terima kasih, Gayathri. Saya baik. Saya masih mencari kawan-kawan di sini.
- Gayathri: Jangan risau, anda akan mendapat ramai kawan di sini. Saya juga boleh menjadi kawan kamu.
- Serina: Terima kasih. Saya gembira mendengarnya. Program saya Diploma Perniagaan. Bagaimana dengan kamu?
- Gayathri: Saya pun sama. Di mana kamu tinggal sekarang?
- Serina: Saya tinggal di kondominium Sri Hartamas, Cheras bersama dengan keluarga saya. Bagaimana dengan kamu?
- Gayathri: Saya tinggal di Bukit Bintang dengan kawan-kawan. Keluarga saya di Sabah.
- Serina: Seronoknya, ada ramai kawan. Ibu bapa saya ke Malaysia kerana urusan perniagaan. Mereka juga risaukan saya kerana saya anak tunggal.
- Gayathri: Kamu bertuah kerana ada keluarga di samping kamu di Malaysia. Nanti saya akan bawa ke perpustakaan dan lobi untuk berjumpa kawan-kawan baru. Di sana juga ada ramai kawan daripada program yang sama.
- Serina: Menarik! Lebih ramai kawan, lebih bagus!

1. Di manakah negara asal Serina? **(2 markah)**
2. Apakah program pengajian Gayathri? **(2 markah)**
3. Di mana Serina tinggal di Malaysia? **(2 markah)**
4. Apakah yang akan dilakukan Gayathri untuk membantu Serina mencari kawan-kawan? **(2 markah)**
5. Mengapakah Gayathri menganggap Serina bertuah? **(2 markah)**

**SOALAN 2 – TATABAHASA (30 MARKAH)**

**a) Bina satu ayat bagi setiap perkataan di bawah:**

- I. memasak **(2 markah)**
- II. membeli **(2 markah)**
- III. membayar **(2 markah)**
- IV. memesan **(2 markah)**
- V. mencuci **(2 markah)**

**(10 markah)**

**b) Terjemahkan ayat yang berikut ke Bahasa Inggeris.**

1. Saya tinggal bersama keluarga saya di Pudu. **(2 markah)**
2. Universiti saya sangat cantik dan bersih. **(2 markah)**
3. Baju kakak berwarna merah dan putih. **(2 markah)**
4. Adik lelaki saya suka bermain bola sepak. **(2 markah)**
5. Kawan baik saya berasal dari Bangladesh. **(2 markah)**
6. Rajesh mempunyai empat orang adik-beradik. **(2 markah)**
7. Hobi Danny membaca buku dan memasak. **(2 markah)**
8. Ayah dia memandu kereta ke pejabat. **(2 markah)**
9. Emak saya seorang yang berani dan kuat. **(2 markah)**
10. Minggu depan, saya ingin melawat datuk di Melaka. **(2 markah)**

**(20 markah)**

**SOALAN 3 : KARANGAN (20 MARKAH)**

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 100 patah perkataan**.

1. Tuliskan satu karangan tentang "**Hobi Saya**".

**ATAU;**

2. Tulis esei ringkas tentang "**Aktiviti Saya di Kampus**".

**SOALAN PEPERIKSAAN TAMAT**